



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM 87/A2/14-4/7 (48)
Tarikh : 01 APRIL 2020

Pemegang Lesen
Pusat Hemodialisis Swasta

Tuan/Puan,

PENGOPERASIAN DAN PERSEDIAAN PUSAT HEMODIALISIS SWASTA BERHADAPAN DENGAN PANDEMIK COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti yang dimaklumi, pusat hemodialisis swasta (PHS) turut terkesan dengan situasi pandemik COVID-19. Malah, sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di PHS sama ada melibatkan pesakit atau staf, boleh menjejaskan operasi PHS dan rawatan dialisis pesakit. Perkara ini boleh menjejaskan keselamatan dan nyawa pesakit ESRF yang memerlukan rawatan dialisis secara berkala 3 kali seminggu. Oleh yang demikian, setiap PHS hendaklah mematuhi perkara berikut:

- ...
- 2.1. Pengendalian Pengurusan Rawatan di Pusat Hemodialisis Awam dan Swasta Semasa Pandemik Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), Surat KKM, No. Ruj. KKM.600-27/14/20 Jld. 7 (35) bertarikh 1 April 2020 dengan memberi penekanan kepada **tindakan pencegahan** seperti yang dinyatakan di para 3, surat tersebut (*seperti yang dilampirkan*);
 - 2.2. Menyediakan *Emergency Preparedness and Response Plan* termasuk **pelan kontingensi** untuk mendapatkan tenaga kerja atau memindahkan pesakit bagi mendapat rawatan dialisis dari atau di tempat lain (*worst scenario*) dan mengemukakan pelan tersebut kepada **CKAPS Negeri di Jabatan Kesihatan Negeri mengikut lokasi PHS tuan/puan** dengan kadar **segera** di alamat emel seperti yang dinyatakan di **Lampiran 1**; dan
 - 2.3. *Guidelines COVID-19 Management in Malaysia No.05/2020* (Edisi Kelima) bertarikh 25 Mac 2020 yang boleh di muat turun dari laman sesawang www.moh.gov.my., khususnya **Annex 28: Guidelines on Management of COVID-19 in Dialysis Centre & Nephrology Units** dan **Annex 21: Management of Healthcare Worker (HCW) During COVID-19 Pandemic** serta garis panduan dan *Standard Operating Procedure* terkini yang boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

..2/-

Sehubungan itu, perhatian dan tindakan segera pihak tuan/puan bagi memastikan keselamatan dan keberlangsungan rawatan dialisis bagi pesakit ESRF amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH, MMC: 26560)
Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Pengarah Kesihatan Negeri

Ketua Perkhidmatan Nefrologi Kebangsaan